

FATWA ALKOHOL DALAM PEMAKANAN DI MALAYSIA: SUATU SOROTAN **(THE FATWA OF ALCOHOL IN MALAYSIA DIETARY: A RESEARCH HIGHLIGHT)**

Nor Musfirah Mohamad (*Corresponding author*)

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS)

02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia

Email: musfirah@kuips.edu.my

Basri Ibrahim

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS)

02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia

Email: bashim67@kuips.edu.my

Fathullah Asni

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS)

02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia

Email: fathullah@kuips.edu.my

*Article
Progress:*

*Submission date:
04 May 2023*

*Accepted date:
13 May 2023*

ABSTRACT

Alcohol (ethanol) is a unique organic chemical compound used extensively in various industries such as perfumery, cosmetics, medical, pharmaceutical, food and beverage, and the chemical industry. In terms of the percentage of the use of alcohol, especially in food and beverages, there is a difference of opinion on the status of alcohol among the Islamic scholars. It also caused a change in the fatwa regarding the alcohol content in the Malaysian diet. However, it is alleged that determining the fatwa on the alcohol content is impractical and less suitable for practice. Therefore, this writing aims to identify past studies in regards to alcohol-related fatwa in nutrition that past researchers have done. The report of this article uses a qualitative method through a literature review of previous studies. The findings show that studies related to the fatwa regarding alcohol only involve the analysis of alcohol-related fatwa in Southeast Asian countries and not a comprehensive study of fatwa specifically related to alcohol in Malaysia. In conclusion, through a survey conducted by the researcher, there is still a lack of studies related to fatwa of the usage of alcohol in Malaysia that focus on the Maqasid Sharia perspective. This allows the researcher to conduct further research to analyse the fatwa of alcohol in food and drinks in Malaysia according to the perspective of Maqasid Sharia.

Keywords: *Fatwa; Alcohol; Food and Beverage; Highlight; Malaysia*

PENDAHULUAN

Penggunaan etanol sangat meluas dalam industri minyak wangi, kosmetik, perubatan, farmasi, makanan dan minuman serta industri kimia sebagai bahan asas untuk menghasilkan produk-produk bagi industri-industri tersebut. Dalam bidang pemakanan, etanol bukan hanya merupakan komponen penting dalam minuman keras (arak) semata-mata. Sebaliknya, kepentingan (*masalah*) penggunaan alkohol dalam penghasilan makanan dan kilang pemprosesan makanan lebih meluas. Dalam penghasilan makanan, etanol digunakan berfungsi sebagai pelarut universal untuk mengekstrakan bahan pewarna dan perisa serta penstabil minuman ringan, bahan pengawet untuk memastikan makanan yang dihasilkan tahan lebih lama dan mengekalkan rasa asli serta sedap dimakan (Sa'don, 2019).

Selain itu, penggunaan etanol dalam pemprosesan makanan adalah sebagai ramuan utama untuk penapaian industri cuka. Antara makanan dan minuman yang melalui proses pengawetan secara fermentasi atau penapaian seperti cuka, tapai, roti, kicap, sos, budu, belacan, kordial, dadih, yogurt, aiskrim, keju, dan lain-lain. Manakala, di kilang pemprosesan makanan, etanol turut digunakan sebagai bahan pembasmi kuman yang efektif, pengilang akan menggunakan pembasmi kuman untuk memastikan produk makanan yang dihasilkan bersih terutamanya proses yang menggunakan mesin jenis besi (Ahmad & Wan Ahmad, 2014).

Fatwa berasal daripada perkataan bahasa Arab *fata* - *yafiu* - *fatwan* yang bererti pemberitahuan dan penerangan tentang sesuatu masalah oleh seseorang dalam bentuk jawapan bagi perkara-perkara yang tidak jelas tentang sesuatu hukum (al-Asfahani, 2006; Asni et al., 2021). Sementara fatwa menurut istilah merupakan suatu perkhabaran dan penjelasan mengenai hukum Allah SWT oleh mufti secara individu atau kolektif berdasarkan nas syarak dan hasil istinbat hukum sebagai jawapan kepada orang yang bertanyakan perkara-perkara yang kurang jelas dan belum ada ketentuannya daripada syarak (al-Zuhayli, 2007; Asni, 2021). Ketepatan sesuatu fatwa sangat bergantung kepada kaedah pendalilan yang digunapakai dan selari dengan *maqasid syariah*. Mufti adalah *mujtahid* bererti seorang yang mampu melakukan ijtihad dan *istinbat* hukum. Kedua-dua terminologi ini secara umumnya adalah sama, namun berbeza dari sudut punca berlakunya fatwa dan ijtihad iaitu fatwa dikeluarkan untuk menjawab persoalan atau sesuatu masalah yang timbul, manakala ijtihad tidak terikat dengan syarat tersebut (Yusli et al., 2021; Asni et al., 2022).

Muzakarah Jawatankuasa fatwa kebangsaan telah memutuskan kandungan alkohol yang dibenarkan dengan lebih tinggi iaitu tidak melebihi 1% i/i bagi minuman ringan manakala 0.5%

i/i bagi bahan perasa dan pewarna makanan dan minuman (JAKIM, islam.gov.my e-smaf, 2011). Pada tahun 2010, fatwa yang tidak diwartakan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor yang bersidang pada 16 Rejab 1431 bersamaan 29 Jun 2010 telah membincangkan mengenai *Etil Alkohol Dalam Makanan* dan menggariskan penentuan kandungan kandungan alkohol yang dibenarkan di dalam makanan dan minuman adalah tidak lebih daripada 0.01%^{i/i} (Jabatan Mufti Johor, 2010). Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk menyorot kajian-kajian lepas berkaitan fatwa alkohol dalam makanan dan minuman di Malaysia. Ini supaya pengkaji-pengkaji lain secara khusus dan kepada masyarakat secara amnya dapat mengetahui kedudukan sebenar fatwa alkohol dalam pemakanan di Malaysia.

SOROTAN KAJIAN

Penulisan tentang fatwa alkohol dalam pemakanan di Malaysia menurut perspektif *maqasid syariah* masih kurang ditemui oleh pengkaji setakat ini. Meskipun tulisan tentang faktwa alkohol dalam makanan dan minuman dan barangan gunaan telah dilakukan pengkaji sebelum ini seperti *Penentuan Kadar Alkohol Dalam Produk Minuman Menurut Perspektif Fiqh dan Sains* oleh Aizat Jamaludin (2015), artikel Anis Najiha Ahmad et al. (2014) yang bertajuk *Alkohol Dalam Makanan: Fatwa Semasa di Rantau Asia Tenggara*, artikel yang bertajuk *Ethanol standard in halal dietary product among Southeast Asian halal governing bodies* oleh Norhidayah Pauzi et al. (2019) dan lain-lain.

Walau bagaimanapun kesemua penulisan di atas tidak menyentuh perbahasan yang dilakukan oleh pengkaji kerana pengkaji ingin melihat dari segi sorotan kajian-kajian lepas berkaitan fatwa alkohol dalam makanan dan minuman di Malaysia dari perspektif *maqasid syariah*.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan dalam artikel ini adalah berdasarkan kualitatif. Data-data diperoleh melalui kaedah analisis dokumen yang merupakan kaedah mendapatkan maklumat yang relevan daripada bahan bercetak dalam bentuk dokumen seperti buku, artikel jurnal, laporan teknikal dan lain-lain. Data juga turut diperoleh melalui laman-laman sesawang yang boleh dipertanggungjawabkan seperti laman web Jabatan Mufti Negeri, JAKIM dan lain-lain untuk mengenalpasti fatwa dan pandangan hukum berkaitan alkohol yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JKFK) dan Jawatankuasa Fatwa Negeri (JKFN). Data tersebut

diambil daripada *Koleksi Fatwa Berkaitan Alkohol Dalam Makanan* dan lain-lain. Kemudian data-data yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

DAPATAN KAJIAN

Fatwa merupakan penjelasan berkenaan hukum syarak oleh mufti terhadap persoalan agama berdasarkan dalil syarak sebagai jawapan kepada individu atau kumpulan yang bertanya (Hussaain, 2013). Dari sudut perundangan fatwa di Malaysia, keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) tidak boleh dikuatkuasakan sebagai undang-undang sebelum diterima dan diwartakan oleh negeri-negeri.

Fatwa yang diwartakan akan mengikat masyarakat Islam yang menetap di negeri tersebut sekaligus menjadi kewajipan masyarakat Islam mengikuti dan berpegang kepada fatwa tersebut. Bagi urusan penguatkuasaan fatwa, mufti dan Jabatan Mufti tidak bertanggungjawab untuk menguatkuasakan sesuatu fatwa, sebaliknya berperanan menyelesaikan sesuatu persoalan hukum sahaja (Nooh Gadot, 2006; Asni, 2017). Dapatan kajian ini dapat diklasifikasikan kepada beberapa tema iaitu:

a) *Koleksi Fatwa- Fatwa Berkaitan Alkohol Dalam Makanan*

Keputusan fatwa alkohol sama ada diwartakan atau tidak diwartakan yang telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Jawatankuasa Fatwa Negeri. Antara fatwa-fatwa berkaitan alkohol dalam makanan di Malaysia tersebut adalah Alkohol dalam Makanan, Minuman, Pewangi dan Ubat-Ubatan, Alkohol Menurut Pandangan Islam, Alkohol Sebagai Penstabil Minuman Ringan, Fatwa Berkaitan Etil Alkohol dalam Makanan, Penentuan Kandungan Alkohol yang Dibenarkan dalam Makanan dan Minuman dan lain-lain (al-ahkam.net, 2022; JAKIM, islam.gov.my e-smaf, 2011; JAKIM.gov.my e-fatwa, 1988; JAKIM.gov.my e-fatwa, 1984; JAKIM, islam.gov.my e-smaf, 2010; Jabatan Mufti Pahang, gov.my, 2015).

Muzakarah Jawatankuasa fatwa kebangsaan telah memutuskan kandungan alkohol yang dibenarkan dengan lebih tinggi iaitu tidak melebihi 1% i/i bagi minuman ringan, manakala 0.5% i/i bagi bahan perasa dan pewarna makanan dan minuman (JAKIM, islam.gov.my e-smaf, 2011). Antara contoh fatwa peringkat negeri dan tidak diwartakan iaitu Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan yang bersidang pada 1 Januari 1970 telah membincangkan berkaitan penggunaan alkohol semasa solat. Ia merupakan fatwa terawal yang diputuskan berkaitan alkohol. Dalam

keputusan ini, fatwa yang berkait dengan alkohol dalam makanan adalah alkohol juga terhasil dari lebihan proses pembuatan makanan seperti tapai, sama ada dari ubi kayu atau pulut. Ianya adalah tidak najis dan harus dimakan. Fatwa ini tidak memutuskan kandungan etanol yang spesifik dibolehkan dalam makanan dan minuman.

b) *Kajian Menyokong Fatwa Penetapan Kandungan Alkohol*

Terdapat beberapa kajian yang menyokong fatwa penentuan kandungan alkohol berdasarkan Muzakarah Jawatankuasa fatwa kebangsaan telah memutuskan kandungan alkohol yang dibenarkan dengan lebih tinggi iaitu tidak melebihi 1% i/i bagi minuman ringan, manakala 0.5% i/i bagi bahan perasa dan pewarna makanan dan minuman (JAKIM, islam.gov.my e-smaf, 2011). Antaranya dalam kajian bertajuk penentuan kadar alkohol dalam produk minuman menurut perspektif fiqh dan sains. Kajian ini menyokong fatwa yang telah diputuskan Muzakarah jawatankuasa kebangsaan 2011 (Jamaludin, 2015).

Anis Najiha Ahmad et al. (2014) menjelaskan bahawa setiap majlis fatwa Asia Tenggara mempunyai pendapat dan polisi yang sedikit berlainan mengenai status, aplikasi dan had etanol yang dibenarkan dalam makanan dan minuman halal. Artikel ini hanya menfokuskan kepada fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia tahun 2011 sahaja dan elemen *maqasid syariah* dalam fatwa tersebut tidak dibincangkan.

Norhidayah Pauzi (2015) menjelaskan terdapat perbezaan yang ketara dari sudut fatwa, pengauditan, sistem jaminan halal, piawaian dan penguatkuasaan di antara negara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Malaysia telah diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai antara negara yang terbaik di dunia kerana berjaya menghasilkan manual prosedur dan beberapa standard halal, namun dari sudut penguatkuasaan masih lagi lemah kerana peruntukan undang-undang berkaitan halal masih belum diwujudkan.

c) *Kajian Kritikan Fatwa Penetapan Kandungan Alkohol*

Terdapat dakwaan mengenai fatwa penetapan kandungan alkohol dibenarkan dalam makanan dan minuman yang tidak praktikal dan kurang sesuai diamalkan. Keputusan fatwa ini tidak dapat dinafikan adalah hasil daripada ijtihad yang dilakukan oleh jawatankuasa Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia. Namun begitu keputusan ini mendapat kritikan beberapa penyelidik (Rosele et al., 2016).

Di antara kritikan tersebut seperti dalam artikel yang bertajuk Penentuan Piawaian Alkohol Dalam Makanan Yang Dibenarkan Dari Perspektif Islam. Pengkaji tersebut berpandangan bahawa penentuan 0.5% atau maksimum 1% alkohol dalam makanan dan minuman adalah tidak praktikal atas dua justifikasi; Pertama: Kebanyakan makanan halal yang telah diproses pada hari ini yang dihasilkan secara fermentasi mengandungi kandungan etanol melebihi daripada kadar yang telah ditetapkan, sedangkan makanan tersebut dimakan oleh pengguna Islam seperti tapai. Kedua, kadar 1% bukanlah *'illah* pengharaman sesuatu makanan beralkohol, ini kerana *'illah* pengharamannya adalah *al-iskar* iaitu memabukkan (Ab Ghani & Ismail, 2010).

Norhidayah Pauzi et al. (2019) mengulas bahawa beberapa faktor yang menjadi perbezaan peraturan etanol dalam pemakanan halal di empat buah negara Asia Tenggara iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura. Empat faktor utama perbezaan dalam pertimbangan mereka iaitu bahan utama untuk kandungan etanol, teknik keutamaan dalam makmal pengesanan etanol, pemalar yang tidak ditentukan dalam pengiraan kepekatan Alkohol Darah dan pandangan dunia Islam mengenai penggunaan alkohol. Tindakan yang diselaraskan oleh keempat-empat negara adalah perlu untuk menilai semula peraturan etanol yang dibenarkan dalam produk pemakanan halal untuk menjamin penyatuan serantau yang didorong oleh prinsip agama dan kebajikan masyarakat Islam dan seterusnya mencapai pengertian peraturan Halal sejagat.

d) *Kajian Fatwa Menurut Perspektif Maqasid Syariah*

Kajian berkaitan fatwa menurut perspektif *maqasid syariah* ada dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas dengan subjek kajian yang pelbagai. Antaranya berkaitan fatwa zakat menurut perspektif *maqasid syariah*. Kajian ini merumuskan bahawa para mufti dan jawatankuasa fatwa di Malaysia berusaha mengambil kira dan mencapai *maqasid syariah* dalam memutuskan fatwa-fatwa zakat tersebut dengan mempertimbangkan *maslahah* dan *mafsadah* (Bhari, 2016).

Subjek kajian kedua berkaitan fatwa muamalat berhubung *Pemakaian Elemen Maqasid Syariah dalam Institusi Fatwa di Malaysia*. Noraini Bahari (2016) menyimpulkan bahawa elemen *maqasid syariah* boleh menambahbaik pandangan hukum dan fatwa yang diputuskan, bagi memenuhi keperluan masyarakat masa kini sesuai dengan prinsip *maqasid syariah* untuk melestarikan kemaslahatan dan mengelakkan kemudaratan di dunia dan akhirat. Walau bagaimanapun sesetengah fatwa diubah apabila terdapat maklumat yang baharu berdasarkan situasi semasa, bukan sahaja kerana wujudnya elemen-elemen *maqasid syariah* tersebut. Begitu

juga penulisan yang analisis fatwa syariah khususnya fatwa yang dibahaskan dalam kategori ekonomi ialah masalah zakat gaji (Buang, 2004).

Ahmad Mursyidi Mustafa (2019) menunjukkan bahawa pihak Muzakarah Jawatankuasa mengaplikasikan *kulliyat al-khams* iaitu agama, jiwa, keturunan, akal dan harta sesuai dengan isu yang berlaku bagi mengeluarkan hukum yang berkaitan dengan *darurah*. Ini berdasarkan daripada 31 keputusan-keputusan muzakarah yang berkaitan dengan *darurah* tahun 1970 sehingga 2015. Mahmood Zuhdi (2012) membahaskan mengenai penentuan hukum atau fatwa adalah terdapat dua jenis pendekatan iaitu pendekatan *shakli* adalah proses menentukan hukum melalui format yang digagaskan oleh nas syarak diberi perhatian utama. Manakala pendekatan *maqasidi* pula berbentuk bagaimana cara sumber-sumber hukum itu perlu dianalisis atau ditafsirkan bagi memenuhi keperluan penentuan hukum dalam realiti yang ada. Pendekatan ini bukanlah asas kepada penentuan hukum, tetapi sebaliknya orientasi dalam memahami atau berurusan dengan asas berkenaan.

Walau bagaimanapun, kajian berkaitan fatwa alkohol menurut *maqasid syariah* secara khusus dan komprehensif di Malaysia masih kurang dilakukan. Tetapi kajian lepas membantu pengkaji memahami berkaitan prinsip maqasid syariah dan pendekatan prosedur fatwa di Malaysia serta pemakaian elemen maqasid syariah dalam institusi fatwa Malaysia dan lain-lain.

KESIMPULAN

Fatwa-fatwa alkohol diputuskan oleh institusi fatwa di Malaysia iaitu Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri. Koleksi fatwa-fatwa alkohol tersebut terdiri daripada kategori fatwa diwartakan dan tidak diwartakan sahaja yang telah diterbitkan dalam bentuk buku, warta atau disiarkan melalui laman web portal rasmi fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Melalui sorotan kajian lepas yang telah dilakukan di atas, dapat disimpulkan bahawa kajian berkaitan fatwa alkohol hanya melibatkan analisis fatwa alkohol negara Asia Tenggara sahaja dan kajian tidak secara komprehensif terhadap fatwa-fatwa berkaitan alkohol di Malaysia. Dapatan kajian dikategorikan kepada beberapa sub tema iaitu kajian menyokong fatwa penetapan kandungan alkohol, kajian kritikan fatwa penetapan kandungan alkohol dan kajian fatwa menurut perspektif maqasid syariah. Berdasarkan penelitian pengkaji, masih kurang kajian fatwa berkaitan alkohol di Malaysia yang menfokuskan perspektif *maqasid syariah*. Hal ini

memberi ruang kepada pengkaji untuk melakukan kajian lanjutan bagi menganalisis fatwa alkohol dalam makanan dan minuman di Malaysia menurut perspektif *maqasid syariah*.

PENGHARGAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dihulurkan kepada pihak RMIC, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) atas tajaan dana penyelidikan ini melalui Skim Geran Jangka Pendek (STG-058/2022) serta menyokong kerja penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Ab Ghani, A., & Ismail, M. S. (2010). *Penentuan Piawaian Alkohol Dalam Makanan Yang Dibenarkan Dari Perspektif Islam*. Jurnal Fiqh, 7, 277-299.
- Ab. Majid, M. Z. (2012). *Maqasid al-Shariah: Satu Pengenalan. Dalam Maqasid al-Shari'ah*. Selangor: Penerbit UIAM, h. 37.
- Al-Asfahani, A.Q. (2006). *Mu'jam Mufradat Alfaz al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Fikr. 281.
- Al-Zuhayli, W. (2007). *Mawsu'ah al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir*. Jil. 5. Damsyiq: Dar al-Makta, 5:479.
- Ahmad, A. N., & Wan Ahmad, W. N. (2014). *Alkohol (Arak dan Etanol) dalam Makanan Halal*. Jurnal Intelek, 9(1), 40-51.
- Asni, F., Yusli, A. Y., & Umar, A. I. (2021). *The Role of The Perlis State Mufti Department in Restraining Covid-19 Through Fatwas and Legal Guidelines*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 11(10), 311-328.
- Asni, F. (2021). *The Role of Mura'ah al-Khilaf Epistemology in the Standardisation of Fatwa: An Analysis at the Perlis State Mufti Department*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 11(10), 144-156.
- Asni, F., Ramle, M. R., Noor, A. M., & Hasbulah, M. H. 1 (June 2022). *Peranan Kaedah Mura'ah al-Khilaf Terhadap Penyeragaman Fatwa Di Jabatan Mufti Negeri Perlis*. Jurnal Jamalullail, 1(2), 23-45.
- Asni, F. A. H. M. (2017). *The Practices Of Weak (Daif) Hadiths In Production Of Islamic Law From The Perspectives Of Hadith Studies And Fatwa Legislators In Malaysia: Pengamalan Hadis Daif Dalam Pengeluaran Hukum Syarak Menurut Perspektif Ilmu Hadis dan*

- Penggubal Fatwa Di Malaysia*. al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies, 7(1), 1-9.
- Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, *Alkohol Sebagai Penstabil Dalam Minuman Ringan Menurut Islam*”, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ke 7, 24 dan 25 November 1988. Dewan Syura Pusat Islam Malaysia, Jalan Perdana Kuala Lumpur.
- Bahari, N. B. (2020, 24 & 25 November). *Pemakaian Elemen Maqasid Shariah Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia*. Dalam Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5. Diambil daripada <http://conference.kuis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak2020/>
- Bhari, A. (2016). *Analisis Fatwa Zakat di Malaysia dari Perspektif Maqasid syariah* (Doctoral dissertation, Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Buang, A. H. (2002). *Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia*. Jurnal Syariah, 10 (1), 39-52.
- Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Brunei Darussalam. (2010). *Penggunaan Alkohol Dalam Makanan*, Siri Fatwa (09/2010). Diambil daripada <https://Uijournal.Usim.Edu.My>
- Hussaain, L. H. (2013). *Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kewajaran dan Kekangan*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Jabatan Mufti Johor. (2010). *Himpunan Keseluruhan Fatwa Negeri Johor, Etil Alkohol Dalam Makanan*. Diambil daripada https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan_fatwa.php
- Jabatan Mufti Kerajaan. (2003). *Siri fatwa 24/2000 mengenai ubat-ubatan bercampur gelatin atau alkohol & siri fatwa 22/2002: Dad's Old Fashioned Root Beer minuman syubhah*. Diambil daripada <https://Uijournal.Usim.Edu.My/Index.Php/Uij/Article/Download/7/6/23>
- Jabatan Mufti Pahang. (2015). *Penentuan Kandungan Alkohol yang dibenarkan dalam makanan dan minuman*. Diambil daripada <http://mufti.pahang.gov.my>
- JAKIM. (1984). *Alkohol sebagai penstabil minuman ringan*. Diambil daripada <http://www.e-fatwa.gov.my>
- JAKIM. (1988). *Alkohol Menurut pandangan Islam*. Diambil daripada <http://www.e-fatwa.gov.my>

- JAKIM. (2010). *Fatwa berkaitan etil alcohol dalam makanan*. Diambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/3>
- JAKIM. (2011). *Alkohol dalam makanan, minuman, pewangi dan ubat-ubatan*. Di ambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10281>
- Jamaludin, M. A. (2015). *Penentuan Kadar Alkohol Dalam Produk Minuman Menurut Perspektif Fiqh dan Sains*. Unpublished Doctoral Dissertation. Seri Kembangan: Institut Penyelidikan Produk Halāl, Universiti Putra Malaysia.
- Majelis Ulama Indonesia. (1993). *Hukum Alkohol Dalam Minuman. Klasifikasi A, B Dan C (Per. Menkes No. 86/1977) Bidang Pom Dan Iptek*. Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia 579. Diambil daripada <http://Mui.Or.Id/Wp-Content/Uploads/Files/Fatwa/Hukum-Alkohol-Dalam-Minuman.Pdf>
- Majelis Ulama Indonesia. (2009). *Fatwa Nomor: 11 Tahun 2009 Tentang Hukum Alkohol Bidang Pom Dan Iptek. Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia*. Di ambil daripada <http://Mui.Or.Id/Wp-Content/Uploads/Files/Fatwa/Hukum-Alkohol.Pdf>
- Majlis Fatwa Kebangsaan. (2022). *Koleksi Fatwa Berkaitan Alkohol Dalam Makanan Dll*. Diambil daripada <http://www.al-ahkam.net>
- Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). (2020). *Penggunaan Ethanol Asli Dalam Penghasilan Perisa Halal*. Diambil daripada <https://Www.Muis.Gov.Sg/Officeofthemufti/Fatwa/Malay-Ethanol>
- Mustapha, A., Ali, E. M. T. E., & Saadan, M. K. K. (2019). *Kepentingan Maqasid Shari'ah Dalam Ugama Islam Malaysia: The Importance of Maqasid Shariah in the Muzakarah of the National Fatwa Council for Islamic Religious Affairs Malaysia*. Journal of Muwafaqat, 2(1), 132-150.
- Najiha, A. A., Tajul, A. Y., Norziah, M. H., & Wan Nadiah, W. A. (2010). *A Preliminary Study On Halal Limits For Ethanol Content In Food Products*. Middle-East Journal of Scientific Research, 6(1), 45-50.
- Nooh, G. (2006). *Pengurusan Fatwa di Malaysia. Dalam Prinsip dan Pengurusan Fatwa di Negara-Negara ASEAN*. Negeri Sembilan: INFAD KUIM.

- Norhidayah, P. (2016). *Analisis perbandingan penentuan piawaian halal antara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Pauzi, N., Man, S., Nawawi, M. S. A. M., & Abu-Hussin, M. F. (2019). *Ethanol Standard in Halal Dietary Product among Southeast Asian Halal Governing Bodies*. Trends in Food Science & Technology, 86, 375-380.
- Rosele, M. I., Abdullah, L. H., Ismail, P. H., & Ramli, M. A. (2013). *Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal*. Jurnal Fiqh, 10, 31-56.
- Rosele, M. I., Ariffin, M. F. M., Ramli, M. A., & Ismail, M. Z. (2016). *Pendekatan Ijtihad Kontemporari Dalam Isu Semasa di Malaysia*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 13(2016), 53-66.
- Sa'don, N. A. (2019, September 12). *Alkohol Dalam Indusi Halal. Sihat Malaysia*. Diambil daripada <http://sihatmalaysia.my/>
- Yusli, A. Y., Asni, F., & Umar, B. A. I. (2021). *The Role of Fiqh Method in Strengthening Fatwa Related to Vaccine Injection for Prevent Covid-19 by Perlis State Mufti*. Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 11(8), 1439-1449.